



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 784**

## **AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1968**

(Disemak—2016)

DISEMAK OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
**2016**

# **AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1968**

Disemak sehingga ... ... ... ... 1 November 2016

Tarikh penyiaran dalam *Warta*  
bagi edisi semakan ini ... ... 17 November 2016

Tarikh yang ditetapkan untuk mula berkuat kuasanya edisi semakan ini menurut perenggan 6(1)(xxiii) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1] ... ... 17 November 2016

Pertama kali diperbuat dalam tahun 1968 sebagai  
Akta Parlimen No. 38 tahun 1968

# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 784**

### **AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1968**

---

#### **SUSUNAN SEKSYEN**

---

##### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pemerbadanan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia
4. Matlamat Perbadanan
5. Tujuan dan maksud Perbadanan
6. Majlis
7. Meterai perbadanan
8. Daftar ahli
9. Kaedah-kaedah dan undang-undang kecil
10. Pemindahan hakmilik harta dan liabiliti, dsb.
11. Penggunaan pendapatan dan harta
12. Sekatan mengenai penjualan lencana, dsb., Persekutuan
13. Pemilikan dan sekatan mengenai penggunaan lencana
14. Penalti
15. Pemansuhan



# **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

## **Akta 784**

### **AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1968**

Suatu Akta untuk memperbadankan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris, “Scouts Association of Malaysia”), dan bagi maksud-maksud yang berkenaan dengannya.

[21 November 1968]

#### **Tajuk ringkas dan pemakaian**

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968.  
  
(2) Akta ini terpakai di seluruh Malaysia.

#### **Tafsiran**

- 2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis yang ditubuhkan mengikut kaedah-kaedah Perbadanan yang disebut dalam seksyen 6;

“Ordinan” ertinya—

- (a) Ordinan Budak-Budak Pengakap 1953 Persekutuan Tanah Melayu [*Ord. P.T.M. No. 60 tahun 1953*];
- (b) Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sabah [*Sabah Bab 17*]; atau

- (c) Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sarawak [*Sarawak Bab 99*];

“Pengakap” termasuklah Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana, Pemimpin Pengakap, Ahli Biasa Persekutuan atau Ahli Kumpulan Baden-Powell yang diiktiraf oleh Ordinan;

“Perbadanan” ertinya Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia atau dalam bahasa Inggeris, “Scouts Association of Malaysia” yang diperbadankan oleh Akta ini;

“Persekutuan” ertinya Persekutuan Budak-Budak Pengakap yang disebut di bawah Ordinan.

### **Pemerbadanan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia**

3. (1) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, menjadi ahli Persekutuan dan semua Pengakap yang selepas ini menjadi ahli Perbadanan menurut Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia” atau dalam bahasa Inggeris, “Scouts Association of Malaysia” yang kekal turun-temurun.

(2) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya dan boleh melakukan semua perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan.

(3) Perbadanan boleh—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan
- (c) memindahkan, memindahkan hakmilik, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan,

atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

### **Matlamat Perbadanan**

**4.** Matlamat Perbadanan adalah—

- (a) untuk mengadakan suatu organisasi yang terbuka kepada semua Pengakap di Malaysia bagi membolehkan mereka melaksanakan tujuan dan maksud Perbadanan yang dinyatakan dalam seksyen 5; dan
- (b) untuk melakukan semua benda lain yang disifatkan oleh Perbadanan atau Majlisnya sebagai bersampingan dan berfaedah bagi mencapai matlamat sedemikian.

### **Tujuan dan maksud Perbadanan**

**5.** (1) Tujuan Perbadanan adalah untuk membangunkan warganegara yang baik dalam kalangan kanak-kanak lelaki dengan membentuk perwatakan mereka dan untuk mencapai maksud ini dengan—

- (a) melatih mereka mengenai tabiat kepatuhan, ketaatan dan berdikari;
- (b) menanam sifat kesetiaan dan timbang rasa terhadap orang lain;
- (c) mengajar mereka perkhidmatan yang berguna untuk orang awam dan pertukangan tangan yang berguna untuk mereka sendiri; dan
- (d) menggalakkan perkembangan jasmani, mental dan kerohanian mereka.

(2) Prinsip dan amalan Perbadanan hendaklah berdasarkan Ikrar Pengakap dan Undang-Undang Pengakap dan apa-apa prinsip dan amalan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah Perbadanan.

## **Majlis**

**6.** Hal ehwal Perbadanan hendaklah ditadbir oleh suatu Majlis yang ditubuhkan mengikut kaedah-kaedah Perbadanan.

## **Meterai perbadanan**

**7. (1)** Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

(2) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai Perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai Perbadanan menurut suatu ketetapan Majlis bagi maksud itu, di hadapan orang yang menjalankan kewajipan Ketua Pesuruhjaya Negara atau Penolong Ketua Pesuruhjaya Negara dan seorang lain yang diberi kuasa oleh Majlis yang hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, dokumen atau surat cara lain itu yang padanya meterai itu dicapkan.

(3) Tandatangan itu hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu ialah meterai Perbadanan yang sah di sisi undang-undang.

## **Daftar ahli**

**8. (1)** Majlis hendaklah menyebabkan supaya suatu daftar disimpan yang dalamnya hendaklah direkodkan butir-butir yang berikut:

- (a) nama tiap-tiap Pengakap yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini adalah seorang ahli Persekutuan; atau
- (b) nama tiap-tiap Pengakap yang selepas permulaan kuat kuasa Akta ini menjadi seorang anggota Perbadanan yang diterima masuk dengan sewajarnya; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Majlis.

(2) Daftar itu boleh disimpan mengikut apa-apa cara yang diputuskan oleh Majlis dan kewajipan menyimpan bahagian-bahagian daftar itu boleh diwakilkan kepada mana-mana anggota atau pegawai Perbadanan.

### **Kaedah-kaedah dan undang-undang kecil**

**9.** Sah bagi Majlis dari semasa ke semasa membuat, mengubah atau membatalkan kaedah-kaedah sebagaimana yang difikirkan suai manfaat bagi pengurusan hal ehwal Perbadanan dan bagi mencapai matlamatnya dan semua kaedah-kaedah dan undang-undang kecil hendaklah mengikat anggota Perbadanan.

### **Pemindahan hakmilik harta dan liabiliti, dsb.**

**10.** (1) Semua harta kepunyaan Persekutuan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, sama ada yang dipegang atas nama Ketua Pesuruhjaya Persekutuan Budak-Budak Pengakap Persekutuan Tanah Melayu atau atas nama mana-mana orang sebagai pemegang amanah bagi Persekutuan hendaklah terletak hak pada Perbadanan.

(2) Semua harta yang disebut dalam subseksyen (1) berserta dengan semua harta yang diperoleh kemudiannya, sama ada harta alih atau harta tak alih, dan semua yuran, caruman, derma, denda, wang pinjaman dan pendahuluan yang diterima atau akan diterima hendaklah dipegang oleh Perbadanan bagi maksud Akta ini dan tertakluk kepada kaedah-kaedah Perbadanan.

(3) Semua hutang dan liabiliti Persekutuan yang ada sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibayar oleh Perbadanan.

(4) Semua hutang yang kena dibayar dan yuran dan caruman yang kena dibayar kepada Persekutuan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah dibayar kepada Perbadanan.

### **Penggunaan pendapatan dan harta**

**11.** (1) Pendapatan dan harta Perbadanan, dari mana jua pun didapati, hendaklah digunakan semata-mata untuk memajukan matlamat Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini.

(2) Tiada bahagian pendapatan dan harta Perbadanan boleh dibayar atau dipindahkan hakmilik secara langsung atau tidak langsung, melalui dividen, bonus atau selainnya melalui keuntungan kepada anggota Perbadanan.

(3) Tiada apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang pembayaran saraan yang dibuat secara suci hati kepada mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan atau kepada mana-mana orang sebagai balasan bagi apa-apa perkhidmatan yang sebenarnya diberikan kepada Perbadanan.

### **Sekatan mengenai penjualan lencana, dsb., Persekutuan**

**12.** Tiada seorang pun, selain Perbadanan atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa lencana, tanda atau lambang yang digunakan secara khusus oleh seorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan.

### **Pemilikan dan sekatan mengenai penggunaan lencana**

**13.** (1) Tiada seorang pun, yang bukan seorang Pengakap, boleh memakai, membawa atau menunjukkan di tempat awam dengan cara yang akan menyebabkan orang itu disangkakan sebagai seorang Pengakap, apa-apa lencana, tanda atau lambang yang digunakan secara khusus oleh seseorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan.

(2) Tiada seorang pun boleh memiliki tanpa kebenaran atau alasan yang sah—

- (a) apa-apa reka bentuk yang begitu menyerupai mana-mana lencana, tanda atau lambang yang digunakan secara khusus oleh seorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan sehingga menyebabkan reka bentuk itu dipercayai sebagai lencana, tanda atau lambang sedemikian;

- (b) apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi apa-apa perkataan atau tulisan yang begitu menyerupai apa-apa perkataan atau tulisan yang biasanya digunakan untuk memperihalkan mana-mana Pengakap sehingga boleh dikira bertujuan untuk memperdaya atau mengelirukan; atau
- (c) apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi perkataan “Pengakap” atau “Pengakap-Pengakap”.

### **Penalti**

**14.** Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan.

### **Pemansuhan**

**15.** Undang-undang yang berikut dimansuhkan:

- (a) Ordinan Budak-Budak Pengakap 1953 Persekutuan Tanah Melayu;
  - (b) Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sabah; dan
  - (c) Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sarawak setakat yang Ordinan itu terpakai bagi Budak-Budak Pengakap.
-

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 784

#### AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMBERBADANAN) 1968

(Disemak—2016)

*Butir-butir di bawah perenggan 7(ii) dan (iii)  
Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

#### SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 143	Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Perbadanan) 1974	23-08-1974

---

#### SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIAN-BAHAGIANNYA YANG DIGANTIKAN

No.	Tajuk
Akta No. 38 Tahun 1968	Act (Perbadanan) Persekutuan Budak <sup>2</sup> Pengakap Malaysia, 1968

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 784****AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP  
MALAYSIA (PEMERBADANAN) 1968**

(Disemak—2016)

**SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Mukadimah	Akta 143	23-08-1974
1	Akta 143	23-08-1974
2	Akta 143	23-08-1974
3	Akta 143	23-08-1974
13A	Akta 143	23-08-1974

---

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 784

#### **AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA (PEMBERBADAN) 1968**

(Disemak—2016)

SENARAI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH PESURUHJAYA  
 PENYEMAK UNDANG-UNDANG DI BAWAH SEKSYEN 6  
 AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968 [AKTA 1]

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
Susunan kandungan	Susunan kandungan diubah	perenggan 6(1)(vii)
Keseluruhan Akta	1. Ejaan dikemas kini 2. Perkataan “Akta” menggantikan “Act” 3. Nota bahu menggantikan nota birai	perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxa) perenggan 6(1)(xxiv)
Tarikh kuat kuasa	Perkataan “21 November 1968” menggantikan “21hb November, 1968.”	perenggan 6(1)(iii)
Ayat mengundang- undangkan	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(f)
subseksyen 1(1)	Perkataan “Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968” menggantikan “Act (Perbadanan) Persekutuan Budak <sup>2</sup> Pengakap Malaysia, 1968”	subperenggan 6(1)(i)(e)
subseksyen 1(2)	1. Perkataan “terpakai di seluruh” menggantikan perkataan “hendak-lah di-pakai di-seluroh” 2. Perkataan “Malaysia” menggantikan “Persekutuan”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxa) perenggan 6(1)(xvii)

Peruntukan seksyen 2	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	1. Perkataan “konteksnya” menggantikan “kandongan ayat-nya”	perenggan 6(1)(iii)
	2. Tafsiran “Majlis” dimasukkan sebelum tafsiran “Ordinan”	perenggan 6(1)(xxiv)
	3. Dalam tafsiran “Ordinan”—	
	a. koma selepas perkataan “Pengakap” di mana-mana jua terdapat ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	b. perkataan “1953 Persekutuan Tanah Melayu” menggantikan “Negeri <sup>2</sup> Tanah Melayu”	perenggan 6(1)(iii) dan (xxiv)
	c. perkataan “ <i>Ord. P.T.M. No.</i> ” dimasukkan sebelum nombor “60”	perenggan 6(1)(iii)
	d. noktah selepas perkataan “tahun 1953”, “Bab 17” dan “Bab 99” ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	4. Dalam tafsiran “Pengakap”—	
	a. perkataan “Pengakap Kanak-Kanak” menggantikan “Anak Serigala”	perenggan 6(1)(xvii) dan (xxiv)
	b. perkataan “Pengakap Muda” menggantikan “Budak Pengakap”	perenggan 6(1)(xvii) dan (xxiv)
	c. perkataan “Pengakap Remaja” menggantikan “Pengakap Kanan”	perenggan 6(1)(xvii) dan (xxiv)
	d. perkataan “Biasa” menggantikan “Pereman”	perenggan 6(1)(xvii) dan (xxiv)
	e. perkataan “diiktiraf” menggantikan “di-iktiraf sa-demikian”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)
	5. Dalam tafsiran “Perbadanan”, kurungan ditinggalkan	perenggan 6(1)(xvi)
	6. Dalam tafsiran “Persekutuan”, perkataan “disebut” menggantikan “di-rujok”	perenggan 6(1)(iii)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 3	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Pemerbadanan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia</b> ” menggantikan “ <b>Memperbadankan Persekutuan Budak<sup>2</sup> Pengakap, Negeri<sup>2</sup> Tanah Melayu dan Persekutuan Budak<sup>2</sup> Pengakap di-Sabah dan Sarawak</b> ”	perenggan 6(1)(vi)
subseksyen 3(1)	1. Perkataan “Mana-mana orang yang, sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, menjadi ahli Persekutuan dan semua Pengakap yang selepas ini menjadi ahli Perbadanan menurut Akta ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia” atau dalam bahasa Inggeris, “Scouts Association of Malaysia” menggantikan “Orang <sup>2</sup> yang sa-belum sahaja Act ini mula berkuatkuasa menjadi ahli Persekutuan dan semua Pengakap yang sa-lepas ini menjadi ahli Perbadanan menurut peruntukan <sup>2</sup> Act ini atau mana <sup>2</sup> Kaedah <sup>2</sup> yang di-buat di-bawah-nya hendaklah menjadi suatu pertubuhan yang di-perbadankan dengan nama Persekutuan Budak <sup>2</sup> Pengakap Malaysia (atau dalam bahasa Inggeris “Boy Scouts Association of Malaysia”)”	perenggan 6(1)(iii), (xiii),(xxa),(xvi),(xxi) dan (xxiv)
subseksyen 3(2)	Perkataan “yang kekal turun-temurun” ditransposisi dan dimasukkan dalam subseksyen 3(1) dengan pengubahan berbangkit	perenggan 6(1)(xiii) dan (xxiv)
subseksyen 3(2) dan (3)	Dibahagikan kepada subseksyen 3(2) dan perenggan 3(3)(a),(b) dan (c) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(iii), (xii) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 4	Dibahagikan kepada perenggan 4(a) dan (b) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii), (xvi) dan (xxiv)
seksyen 5	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>maksud</b> ” menggantikan “ <b>maksud2</b> ”	perenggan 6(1)(xxa) dan (xxi)
subseksyen 5(1)	Perkataan “Tujuan Perbadanan adalah untuk membangunkan warganegara yang baik dalam kalangan kanak-kanak lelaki dengan membentuk perwatakan mereka dan untuk mencapai maksud ini dengan—” menggantikan “Tujuan Perbadanan ia-lah bagi menggalakkan kewarganegaraan yang baik di-kalangan budak <sup>2</sup> dengan membentok watak mereka dan bagi menchapai maksud ini dengan—”	perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxi)
perenggan 5(1)(a)	Perkataan “melatih mereka mengenai tabiat kepatuhan, ketiaatan dan berdikari” menggantikan “melatih mereka mengenai perangai patoh, ta’at dan bergantong kapada diri sendiri”	perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxi)
perenggan 5(1)(b)	Perkataan “menanam sifat kesetiaan dan timbang rasa terhadap orang lain” menggantikan “menanam sifat <sup>2</sup> setia dan bertimbangrasa kapada orang lain”	perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxi)
perenggan 5(1)(c)	Perkataan “mengajar mereka perkhidmatan yang berguna untuk orang awam dan pertukangan tangan yang berguna untuk mereka sendiri” menggantikan “mengajar mereka perkhidmatan <sup>2</sup> yang berguna untuk ‘awam dan pertukangan tangan yang berguna untuk mereka sendiri’”	perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxi)
perenggan 5(1)(d)	Perkataan “menggalakkan perkembangan jasmani, mental dan kerohanian mereka” menggantikan “memperbaiki kesuboran jasmani, akal dan rohani mereka”	perenggan 6(1) (xv), (xxa) dan (xxi)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 5(2)	Perkataan “Prinsip dan amalan Perbadanan hendaklah berdasarkan Ikrar Pengakap dan Undang-Undang Pengakap dan apa-apa prinsip dan amalan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah Perbadanan” menggantikan “Prinsip <sup>2</sup> dan amalan <sup>2</sup> Perbadanan hendak-lah berdasarkan kapada Ikrar Pengakap dan Undang <sup>2</sup> Pengakap dan prinsip <sup>2</sup> dan amalan <sup>2</sup> lain sa-bagaimana yang di-peruntokkan dalam Kaedah <sup>2</sup> Perbadanan”	perenggan 6(1)(iii), (xv), (xxa) dan (xxi)
subseksyen 6(1)	<p>1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 6</p> <p>2. Perkataan “Hal ehwal Perbadanan hendaklah ditadbir oleh suatu Majlis yang ditubuhkan mengikut kaedah-kaedah Perbadanan” menggantikan “Urusan<sup>2</sup> Perbadanan hendak-lah ditadbirkan oleh suatu Majlis yang di-tubohkan menurut Kaedah<sup>2</sup> Perbadanan yang ada pada masa itu”</p>	perenggan 6(1)(xii) perenggan 6(1)(iii), (xv), (xxa) dan (xxi)
subseksyen 6(2)	Ditinggalkan	subperenggan 6(1)(i)(aa)
seksyen 7	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Meterai perbadanan</b> ” menggantikan “ <b>Meteri Perbadanan</b> ”	perenggan 6(1)(iii)
subseksyen 7(1)	Perkataan “Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan” menggantikan “Perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri dan meteri itu boleh dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat yang lain sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Perbadanan.”	perenggan 6(1)(iii), (xxi), (xxa) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
subseksyen 7(2)	Dibahagikan kepada subseksyen 7(2) dan (3) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xv), (xvi), (xxa) dan (xxiv)
seksyen 8	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>ahli</b> ” menggantikan “ <b>ahli</b> <sup>2</sup> ”	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 8(1)	Dibahagikan kepada perenggan 8(1)(a), (b) dan (c) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii), (xvi) dan (xxiv)
subseksyen 8(2)	Perkataan “Daftar itu boleh disimpan mengikut apa-apa cara diputuskan oleh Majlis dan kewajipan menyimpan bahagian-bahagian daftar itu boleh diwakilkan kepada mana-mana anggota atau pegawai Perbadanan.” menggantikan “Daftar itu boleh-lah di-simpan mengikut chara sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Majlis dari sa-masa kasama dan kewajipan menyimpan bahagian <sup>2</sup> daftar itu boleh diwakilkan kapada mana <sup>2</sup> ahli atau pegawai Perbadanan.”	perenggan 6(1)(xxa), (xxi) dan (xxiv)
seksyen 9	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Kaedah-kaedah dan undang-undang kecil</b> ” menggantikan “ <b>Kaedah<sup>2</sup> dan Undang<sup>2</sup>-kechil</b> ”	perenggan 6(1)(iii), (xv) dan (xxa)
seksyen 10	Dalam nota bahu— <ul style="list-style-type: none"> <li>a. perkataan “<b>Pemindahan hakmilik</b>” menggantikan “<b>Memindah milek</b>”</li> <li>b. perkataan “<b>liabiliti</b>” menggantikan “<b>tanggongan</b>”</li> </ul>	perenggan 6(1)(xxa)
subseksyen 10(1)	Dibahagikan kepada subseksyen 10(1) dan (2) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii), (xvi), (xxi) dan (xxiv)
subseksyen 10(2)	Dinomborkan semula dan dibahagikan kepada subseksyen 10(3) dan (4) dengan pengubahan berbangkit dibuat	perenggan 6(1)(xiii), (xvi), (xxi) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
seksyen 11	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Penggunaan</b>” menggantikan “<b>Menggunakan</b>”</p> <p>2. Dibahagikan kepada subseksyen 11(1), (2) dan (3) dengan pengubahan berbangkit dibuat</p>	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xiii), (xvi), (xxi) dan (xxiv)
seksyen 12	<p>1. Dalam nota bahu, perkataan “<b>mengenai</b>” menggantikan “<b>atas</b>”</p> <p>2. Perkataan “Tiada seorang pun, selain Perbadanan atau seseorang yang diberi kuasa secara bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa lencana, tanda atau lambang yang digunakan secara khusus oleh seorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan.” menggantikan “Tiada-lah sa-siapa jua, sa-lain daripada Perbadanan atau sa-saorang yang di-berikuasa dengan bertulis untuk berbuat demikian oleh Perbadanan, boleh menjual atau mempamir untuk di-jual apa<sup>2</sup> lencana, tanda atau lambang yang khusus-nya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah<sup>2</sup> Perbadanan.”</p>	perenggan 6(1)(xxi) perenggan 6(1)(xv), (xxa) dan (xxi)
seksyen 13	Dalam nota bahu, perkataan “ <b>Pemilikan dan sekatan mengenai penggunaan lencana</b> ” menggantikan “ <b>Memiliki lencana dan sekatan atas menggunakan lencana</b> ”	perenggan 6(1)(xxi)
subseksyen 13(1)	Perkataan “Tiada seorang pun, yang bukan seorang Pengakap, boleh memakai, membawa atau menunjukkan di tempat awam dengan cara yang akan menyebabkan orang itu disangkakan sebagai seorang Pengakap, apa lencana, tanda atau lambang	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	yang digunakan secara khusus oleh seseorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan.” menggantikan “Tiada-lah sa-siapa jua, yang bukan sa-orang Pengakap, boleh memakai, membawa atau menunjukkan di-tempat ‘awam sa-chara yang akan menyebabkan orang itu di-sangkakan sa-bagai sa-orang Pengakap mana <sup>2</sup> lenchana, tanda atau lambang yang khususnya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah <sup>2</sup> Perbadanan.”	perenggan 6(1)(xv) dan (xxiv)
subseksyen 13(2)	Perkataan “Tiada seorang pun boleh memiliki tanpa kebenaran atau alasan yang sah—” menggantikan “Tiada-lah sa-siapa jua boleh memileki dengan tiada kebenaran atau sebab yang sah di-sisi undang <sup>2</sup> —”	perenggan 6(1)(xxi) dan (xxiv)
perenggan 13(2)(a)	Perkataan “apa-apa reka bentuk yang begitu menyerupai mana-mana lencana, tanda atau lambang yang digunakan secara khusus oleh seorang Pengakap di bawah kaedah-kaedah Perbadanan sehingga menyebabkan reka bentuk itu dipercayai sebagai lencana, tanda atau lambang sedemikian; atau” menggantikan “apa <sup>2</sup> tanda yang hampir <sup>2</sup> sa-rupa dengan mana <sup>2</sup> lenchana, tanda atau lambang yang khususnya di-sesuaikan untuk di-guna oleh sa-saorang Pengakap di-bawah Kaedah <sup>2</sup> Perbadanan hingga menyebabkan bahawa tanda tersebut di-perchayai sa-bagai lenchana, tanda atau lambang itu; atau”	perenggan 6(1)(iii), (xv), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 13(2)(b)	Perkataan “apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi apa-apa perkataan atau tulisan yang begitu menyerupai apa-apa perkataan atau tulisan yang biasanya	perenggan 6(1)(iii), (xv), (xxi) dan (xxiv)

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	digunakan untuk memperihalkan mana-mana Pengakap sehingga boleh dikira bertujuan untuk boleh memperdaya atau mengelirukan; atau” menggantikan “apa <sup>2</sup> lenchana, tanda atau lambang yang mengandungi apa <sup>2</sup> perkataan atau tulisan yang hampir <sup>2</sup> sa-rupa dengan mana <sup>2</sup> perkataan atau tulisan yang biasa-nya di-guna bagi memperihalkan mana <sup>2</sup> Pengakap hingga menjadi boleh tertipu atau terkeliru oleh-nya; atau”	
perenggan 13(2)(c)	Perkataan “apa-apa lencana, tanda atau lambang yang mengandungi perkataan “Pengakap” atau “Pengakap-Pengakap”. menggantikan “apa <sup>2</sup> lenchana, tanda atau lambang yang mengandungi perkataan <sup>2</sup> “Budak Pengakap” atau “Budak <sup>2</sup> Pengakap”.”	perenggan 6(1)(iii), (xxb), (xxi) dan (xxiv)
seksyen 13A	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 14 perenggan 6(1)(xii)</li> <li>2. Perkataan “Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan.” menggantikan “Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan.”</li> </ol>	subperenggan 6(1)(iv)(b), perenggan 6(1)(xxi) dan (xxiv)
seksyen 14	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dinomborkan semula sebagai seksyen 15 perenggan 6(1)(xii)</li> <li>2. Dalam nota bahu, perkataan “<b>Pemansuhan</b>” menggantikan “<b>Pemansokhan</b>” perenggan 6(1)(xxiv)</li> </ol>	

Peruntukan	Butir-butir pindaan	Kuasa yang meminda
	3. Perkataan “Undang-undang yang berikut dimansuhkan:” menggantikan “Undang <sup>2</sup> yang berikut ada-lah dengan ini dimansokhkan:”	perenggan 6(1)(xxi)
perenggan 14(a)	Perkataan “Ordinan Budak-Budak Pengakap 1953 Persekutuan Tanah Melayu;” menggantikan “Ordinance Budak <sup>2</sup> Pengakap Negeri <sup>2</sup> Tanah Melayu [60 tahun 1953.];”	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 14(b)	Perkataan “Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sabah; dan” menggantikan “Ordinance Persekutuan Budak <sup>2</sup> Pengakap, Sabah [Bab 17.]; dan”	perenggan 6(1)(iii), (xxi) dan (xxiv)
perenggan 14(c)	Perkataan “Ordinan Persekutuan Budak-Budak Pengakap Sarawak setakat yang Ordinan itu terpakai bagi Budak-Budak Pengakap.” menggantikan “Ordinance Persekutuan Budak <sup>2</sup> Pengakap, Sarawak [Bab 99.] sa-takat yang peruntukan <sup>2</sup> -nya di-pakai bagi budak <sup>2</sup> pengakap.”	perenggan 6(1)(iii), (xv), (xvi), (xxi) dan (xxiv)
Tarikh Perkenan Diraja	Ditinggalkan	perenggan 6(1)(xxiv)

---